



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KAJIAN KES TENTANG PENGAJARAN MATEMATIK SEKOLAH RENDAH MENGGUNAKAN PENDEKATAN KONTEKSTUAL

NORSYAI DAH BINTI SELIAMAN

DISERTASI DIKEMUKAKAN MEMENUHI SYARAT BAGI MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

(MATEMATIK SEKOLAH RENDAH)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan bagi mendalami dan meneroka pengajaran matematik sekolah rendah menggunakan pendekatan kontekstual berdasarkan lapan komponen teori Johnson. Terdapat tiga objektif kajian iaitu pemahaman guru matematik mengenai pendekatan kontekstual, pelaksanaan pengajaran kontekstual yang digunakan oleh guru matematik dan halangan yang dihadapi oleh guru matematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pendekatan kualitatif secara kajian kes dengan menggunakan penelitian secara naturalistik. Persampelan adalah purposif. Kajian ini melibatkan 4 orang guru matematik daripada dua buah sekolah rendah daripada populasi 107 buah sekolah dalam Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Kajian ini melibatkan empat kaedah pengumpulan data iaitu temu bual pra dan pasca pengajaran, pemerhatian, nota lapangan (senarai semak) dan pengumpulan dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian menghadapi kesukaran dan kurang pasti dalam menjelaskan makna pendekatan kontekstual, namun peserta kajian lebih berkeyakinan setelah menerima penerangan secara umum daripada penyelidik serta sebahagian besar peserta kajian berupaya melaksanakannya dalam proses PdP. Dapatkan kajian juga menunjukkan peserta kedua dan ketiga berupaya melaksanakan pendekatan kontekstual dalam kedua-dua sesi, peserta keempat berupaya melaksanakannya pada sesi kedua berbanding sesi pertama, manakala peserta pertama tidak berupaya laksanakannya pada kedua-dua sesi pemerhatian pengajaran. Kesimpulan daripada kajian, penggunaan pendekatan kontekstual dalam pengajaran matematik sekolah rendah bergantung pada kefahaman dan pengetahuan guru tentang strategi pengajaran kontekstual secara mendalam dan berkesan. Implikasi kajian menunjukkan, pengajaran secara kontekstual menjadikan PdP guru bersama murid lebih bermakna dan efektif dengan mengaitkan Matematik dengan situasi sebenar dan kehidupan seharian.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## CASE STUDY OF TEACHING PRIMARY SCHOOL MATHEMATICS BY USING CONTEXTUAL APPROACH

### ABSTRACT

The aim of this study were to deepen and explore for teaching elementary school mathematics by using contextual approach based on the eight components theory of Johnson. There were three objectives of the study of mathematics teachers' understanding of the contextual approach, implementation of contextual teaching mathematics used by teachers in the teaching and learning (T&L) process and obstacles faced by teachers in the process of T&L. The case study with qualitative approach by using naturalistic research. The samples were purposive sampling. The study involved 4 mathematics teacher of two primary schools out of a population of 107 schools in Seremban, Negeri Sembilan. This study is to involve four methods of data collection interviews pre and post lesson, observations, field notes (checklist) and collecting documents. The study results showed that all study participants facing difficulty in explaining exactly meaning of contextual approach, but participants more confident to explain and shows their teaching skills in class session after receiving description in general by the researchers. Findings of research also showed second and third participant successfully implemented contextual approach in both sessions, the fourth participant have successfully implemented second session compared to the first session, but the first participant did not manage to implement it in both sessions of teaching observation. The conclusion of the study, successfully of using contextual approach in teaching elementary school mathematics depends on understanding and knowledge of teachers about teaching strategies in-depth. Implications of research shows, teaching contextually make T&L teachers with students more meaningful and effective, with associate mathematics to the real situation and everyday life.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH &amp; SENARAI CARTA</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv



## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	5
1.3	Penyataan Tujuan	12
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Soalan Kajian	13
1.6	Batasan Kajian	14
1.7	Definisi Operasional	15
1.8	Kerangka Konsep Kajian	18





## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Kurikulum Pendidikan	22
2.3	Kurikulum Matematik dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	23
2.4	Strategi Pengajaran Pembelajaran Matematik (KSSR)	25
2.5	Pengajaran dan Pembelajaran Kontekstual	26
2.6	Lapan Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Kontekstual	31
2.6.1	Membuat hubungan bermakna	31
2.6.2	Melakukan kerja penting	32
2.6.3	Mengawal selia pembelajaran sendiri	33
2.6.4	Kerjasama	35
2.6.5	Pemikiran kritis dan kreatif	36
2.6.6	Memupuk individu	38
2.6.7	Mencapai standard yang tinggi	40
2.6.8	Menggunakan penilaian autentik	41
2.7	Kajian Berkaitan	44
2.7.1	Pengajaran Secara Kontekstual Dalam Bilik Darjah	44
2.8	Perkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Matematik secara kontekstual dengan situasi sebenar dan kehidupan seharian.	46
2.9	Kaedah Pengajaran Yang Bersesuaian Dengan Strategi Berpusatkan Murid Serta Teori-Teori Berkaitan	48
2.9.1	Kaedah Pengajaran Perbincangan	48
2.9.2	Kaedah Pengajaran Berasaskan Tugasan	52

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	55
3.2	Metodologi Kajian	56
3.2.1	Reka bentuk kajian	56





3.3	Peserta Kajian	58
3.4	Instrumen Kajian	60
3.5	Etika Kajian	62
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	63
3.6.1	Temu bual	66
3.6.2	Pemerhatian	69
3.6.3	Nota Lapangan	71
3.6.4	Mengumpul Dokumen	72
3.7	Kebolehpercayaan dan Kesahan	73
3.7.1	Prosedur Kesahan dalam Lensa Kualitatif dan Andaian Paradigma	74
3.8	Prosedur Menganalisis Data	76
3.9	Kajian Rintis	78



4.1	Pengenalan	80
4.2	Latar Belakang Peserta	82
4.2.1	Cikgu Zam (Peserta Pertama)	83
4.2.2	Cikgu Nor (Peserta Kedua)	83
4.2.3	Cikgu Su (Peserta ketiga)	84
4.2.4	Cikgu Zai (Peserta keempat)	86
4.3	Pemahaman Peserta Kajian Tentang Pendekatan Kontekstual	87
4.3.1	Cikgu Zam	87
4.3.2	Cikgu Nor	90
4.3.3	Cikgu Su	93
4.3.4	Cikgu Zai	96
4.3.5	Jadual 4.3 : Pemahaman Guru Matematik Mengenai Pendekatan Kontekstual	100





4.4	Perlaksanaan Pendekatan Kontekstual Dalam Pengajaran	102
	Peserta Kajian	
4.4.1	Cikgu Zam	102
4.4.2	Cikgu Nor	109
4.4.3	Cikgu Su	120
4.4.4	Cikgu Zai	129
4.4.5	Jadual 4.4 : Pelaksanaan Pengajaran Kontekstual Yang Digunakan Oleh Guru Dalam Proses PdP	139
4.5	Halangan Sepanjang Proses Pengajaran Peserta Kajian	141
4.5.1	Cikgu Zam	141
4.5.2	Cikgu Nor	142
4.5.3	Cikgu Su	144
4.5.4	Cikgu Zai	146
4.5.5	Jadual 4.5 : Halangan Sepanjang Proses Pengajaran	149
	Peserta Kajian	
4.6	Carta 4.1 : Ringkas Hasil Penyelidikan	151

## BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	154
5.2	Rumusan	155
5.2.1	Pemahaman guru matematik tentang pendekatan kontekstual	155
5.2.2	Perlaksanaan pengajaran guru matematik secara kontekstual	158
5.2.3	Halangan guru sepanjang proses pengajaran	160
5.3	Perbincangan	162
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	169





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
X

5.5	Penutup	170
5.6	Carta 5.1: Ringkas Rumusan Penyelidikan	172

<b>RUJUKAN</b>	173
----------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Gambaran Keseluruhan Pelaksanaan Kajian Melibatkan Peserta Kajian	65
4.1 Kod yang digunakan dalam analisis data kajian	81
4.3 Pemahaman Guru Matematik Mengenai Pendekatan Kontekstual	100
4.4 Pelaksanaan Pengajaran Kontekstual Yang Digunakan Oleh Guru Dalam Proses PdP	139
4.5 Halangan Sepanjang Proses Pengajaran Peserta Kajian	149



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xii

## SENARAI RAJAH

### No. Rajah

### Muka Surat

- |     |  |    |
|-----|--|----|
| 1.1 | Kerangka Konsep Kajian: Pengajaran Matematik Sekolah Rendah<br>Dengan Menggunakan Pendekatan Kontekstual | 18 |
|-----|--|----|

## SENARAI CARTA

### No. Carta

### Muka Surat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

151  
ptbupsi

- |     |                                    |     |
|-----|------------------------------------|-----|
| 4.1 | Carta Ringkas Hasil Penyelidikan   |     |
| 5.1 | Carta Ringkas Rumusan Penyelidikan | 172 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiii

## SENARAI LAMPIRAN

A	Gambaran Kedudukan Rakaman Video Dalam Bilik Darjah	179
B	Maklumat Diri Peserta	180
C	Soalan Temubual Pra-Pengajaran	181
D	Nota Lapangan (Senarai Semak & Soalan Temu Bual Pasca-Pengajaran)	182
E	Responden Peserta Pra & Pasca-Pengajaran	185
F	Dokumen Pelajaran Harian (DPH)	188
G	Transkrip Temu Bual & Video Pemerhatian	195
H	Borang Pemberitahuan Dan Persetujuan Temu Bual	242



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiv

## SENARAI SINGKATAN

NCTM	National Council for Teachers of Mathematics
PdP	Pengajaran Dan Pembelajaran
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
RMK-3	Rancangan Malaysia Ketiga
CTL	Pengajaran dan Pembelajaran Kontekstual ( <i>Contextual Teaching &amp; Learning</i> )
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

HOTS	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ( <i>High Order Thinking Skills</i> )
IPS	Institut Pengajian Siswazah
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
KPLI	Kursus Perguruan Lepasan Ijazah
BBM	Bahan Bantu Mengajar
DPH	Dokumen Pelajaran Harian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



i

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Arus perkembangan semasa menuntut kepada perubahan dari segenap aspek mahupun lapangan kehidupan umum. Perubahan positif merupakan anjakan yang perlu dihasilkan bagi mewujudkan kedinamikan untuk menghadapi cabaran-cabaran baru seiring perkembangan semasa. Justeru, pendidikan masakini perlu kepada pembaharuan bagi merealisasikan proses pembentukan dan pengembangan potensi diri yang patut disalurkan kepada para pelajar. Bagi tujuan tersebut penelitian terhadap aspek pengajaran khususnya dalam bilik darjah menjadi asas pencapaian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



kecemerlangan akademik buat para pelajar. Hal ini melibatkan kemahiran serta penguasaan penuh guru terhadap pelajaran yang disampaikan.

Menurut Modul Pembelajaran Kontekstual (2003) yang dilaksanakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia untuk para guru di Malaysia, menyatakan bahawa pembelajaran hanya akan berlaku apabila murid dapat memproses maklumat atau pengetahuan baru dengan cara yang bermakna kepada mereka. Minda seseorang akan cuba mencari makna dalam konteks dengan membuat hubung kait yang bermakna dan relevan dengan persekitarannya.



Teori Pembelajaran Kontekstual menumpukan kepada kepelbagaiannya aspek persekitaran pembelajaran sama kada di bilik darjah, makmal, tempat kerja atau kehidupan harian (Hull dan Dan, 1993). Teori ini menggalakkan pendidik memilih atau mewujudkan persekitaran pembelajaran yang merangkumi pelbagai pengalaman sama ada dalam konteks sosial, budaya, fizikal atau psikologi untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang dihasratkan. Dengan itu, seorang guru yang mengajar dengan pendekatan ini harus dapat menyediakan pembelajaran di mana di dalamnya guru berperanan sebagai fasilitator ataupun mentor dan membawa murid kepada penyelesaian masalah nyata melalui pengetahuan yang baru diperolehnya. Pendekatan ini tentunya menghendaki semua murid dalam bilik darjah aktif ketika belajar.

Menurut Hull (1997), tujuan pembelajaran secara kontekstual ialah untuk membina asas yang kukuh dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, selain





menggalakkan pelajar meminati mata pelajaran tersebut dan sekaligus mempertingkatkan prestasi keputusan peperiksaan mata pelajaran berkenaan. Kumpulan sasaran utama bagi konsep pendekatan pembelajaran secara kontekstual ini ialah pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian sederhana. Pembelajaran secara kontekstual merupakan alternatif bagi menarik lebih minat para pelajar terutamanya daripada golongan yang berprestasi sederhana. Pembelajaran kontekstual ialah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkret yang melibatkan aktiviti *hands-on* dan *minds-on*.



Komponen utama yang boleh dilihat dalam pembelajaran kontekstual ialah aktiviti *hands on* dalam konteks yang relevan pada pelajar. Subjek Matematik yang menggunakan kaedah konteks adalah suatu set bahan-bahan pengajaran yang berkaitan terus kepada dunia pekerjaan dan kehidupan seharian. Modul-modul pengajaran ini membantu para pelajar mendapat pendidikan secara mantap dan kontekstual dan ini seterusnya membantu serta memotivasi pelajar mencapai kejayaan.

Ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran kontekstual di dalam bilik darjah boleh dikaitkan dengan peranan dan tanggungjawab guru, pelajar, dan kaedah penilaian. Hal perkara-perkara yang berkaitan dengan subjek tersebut boleh dihantar menggunakan model pedagogi pengajaran dan pembelajaran kontekstual di samping membina pemikiran kritikal dan kemahiran menyelesaikan masalah serta kemahiran sosial (Medrich, Calderon, dan Hoachlander, 2002).





Walau bagaimanapun, untuk menggunakan model kemahiran pedagogi pengajaran dan pembelajaran kontekstual, guru perlu berfikir dan bertindak dalam cara tertentu. Sebagai contoh, terdapat arahan dengan tidak langsung di pihak guru, tetapi pelajar disediakan dengan satu set yang jelas tentang objektif pembelajaran. Peranan guru adalah untuk membimbing, membincangkan, soalan, mendengar, dan menjelaskan (Souders, 1999); pemudah cara pengetahuan dan bukannya dispenser ilmu (pelindung kepada pelajar lemah daripada mendapatkan ilmu). Dalam usaha untuk mencapai peranan ini, guru perlu melibatkan diri secara aktif dengan pelajar.

Predmore (2005) berhujah bahawa Pengajaran dan Pembelajaran Kontekstual (CTL) boleh menjadi satu cara yang sangat berkesan menampung gaya pembelajaran

pelajar yang berbeza kerana seorang pengajar mempunyai keupayaan untuk menggunakan beberapa model pengajaran yang berbeza dalam konteks kerangka termasuk kerjasama antara pasangan, *hands-demonstration* dan siasatan kumpulan. Selaras dengan falsafah CTL dan pembelajaran sensitiviti gaya, Brown memetik (Silverman dan Casazza, 2000), juga mencadangkan penglibatan faktor persekitaran dalam aktiviti pembelajaran, di mana pelajar menceritakan pengalaman peribadi dalam sesi pembelajaran, selain membantu pelajar terlibat dengan bahan atau benda yang wujud dalam persekitaran supaya menjadikan pembelajaran mempunyai lebih kekuatan dan berkepentingan.





## 1.2 Pernyataan Masalah

Matematik ialah satu bidang ilmu yang melatih minda supaya berfikir secara mantik dan bersistem dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Sifat matematik secara semulajadinya menggalakkan pembelajaran yang bermakna dan mencabar pemikiran pelajar. Konsep pembelajaran matematik dikenali sebagai satu proses konstruktif di mana pelajar membina dan membentuk ilmu dalam bidang matematik dengan mengaitkan ilmu atau konsep yang baru diperolehi dengan ilmu atau konsep yang sedia ada pada mereka.

Pedagogi ialah cara penyampaian sesuatu ilmu pengetahuan. Namun, guru-guru



telah menghadapi satu keadaan dimana mereka sukar menentukan kaedah dan pelaksanaan yang sesuai untuk pengajaran matematik. Seperti yang dinyatakan, pengajaran yang berkesan memerlukan persekitaran yang kondusif, menggalakkan pelajar berfikir, menyoal dan menyelesaikan masalah adalah sangat diperlukan (National Council for Teachers of Mathematics (NCTM), 2000). Oleh yang demikian, pada hari ini strategi pengajaran adalah tertumpu kepada pengajaran berpusatkan pelajar amat digalakkan kerana semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), guru akan melibatkan pelajar secara aktif. Dengan ini bermakna guru berperanan sebagai fasilitator bagi membantu pelajar menyelesaikan masalah semasa proses PdP. Pengajaran yang baik adalah pengajaran yang menggalakkan pemahaman konsep dan prosedur matematik.





Strategi pengajaran yang berkesan mungkin bermula dengan pengajaran berpusatkan murid. Dengan menjalankan pelbagai aktiviti, akan menjadikan pembelajaran lebih menarik dan bermakna. Selain menyampaikan kandungan subjek dengan pendekatan tradisional, adalah disyorkan supaya murid-murid lebih terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Pengajaran juga perlu berkaitan dengan situasi kehidupan sebenar.

Cabar yang kita perlu terima adalah kebanyakan guru masih mengamalkan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran (Aini Hassan, 1998; Siti Hawa Abdullah, 2008), kaedah pengajaran berpusatkan guru (Cuban, 1993, dalam Wiersma, 2008) dan bergantung kepada buku teks sebagai sumber fakta dan bahan

utama pengajaran (Barton dan Levstik, 2004).



Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan guru dan bergantung penuh kepada buku teks antara faktor yang dikenalpasti menyebabkan pelajar cepat bosan dan hilang minat dalam pelajaran Matematik. Walaupun pelbagai kaedah telah didedahkan namun terdapat sebilangan besar guru yang masih menggunakan kaedah tradisional yang biasa seperti pendekatan latih tubi tanpa memberi penerangan konsep yang mencukupi melahirkan pelajar yang tidak boleh berfikir secara kritis dan kreatif (Mohamad Khatim, 2001). Nik Faezah (1996) menyatakan kebanyakan guru masih menggunakan pendekatan berpusatkan guru dan ini menyebabkan pelajar menjadi kurang aktif dalam pembelajaran matematik. Pernyataan ini juga disokong oleh Johnson (dalam Noraini Idris, 2001) menyatakan





bahawa pengajaran tradisional merupakan kaedah pengajaran yang pasif dan tidak memberangsangkan.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Matematik, guru perlulah lebih kreatif dan kritis semasa merancang pengajarannya. Pengajaran guru mestilah sesuai dengan keupayaan dan kebolehan pelajar. Guru perlu melibatkan pelajar secara aktif dalam proses PdP dan ini menuntut kemahiran pengajaran yang tinggi dalam kalangan guru. Pendekatan corak tradisional dan “chalk and talk” yang digunakan sepenuhnya oleh guru sepanjang waktu dalam PdP kurang sesuai dengan keperluan murid hari ini. Pendekatan berkenaan lebih berpusatkan guru berbanding berpusatkan murid. Matlamat pendidikan hari ini yang ditekankan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), menyarankan guru agar menggalakkan murid untuk terlibat dalam proses PdP guru. Selain itu, ianya juga bertujuan bagi menarik minat murid untuk fokus,

aktif dan memberikan keseronokan kepada murid dalam menjalankan proses pembelajaran harian bersama guru. Sudah tentu teknik pembelajaran berpusatkan murid menitikberatkan teknik ‘*hands-on*’ dan ‘*minds-on*’. Hal Ini akan memberi impak yang lebih berkesan ke arah mencapai matlamat pendidikan matematik itu sendiri. Pembelajaran juga akan berlaku apabila apa yang diajar itu memberi makna kepada pelajar (Caine dan Caine, 1994).

Faktor kebosanan murid berlaku apabila guru sering menggunakan kaedah tradisional dalam proses PdP. Hal ini terjadi kerana ada kalanya guru menggunakan pengajaran secara tradisional untuk menghabiskan dengan segera sukanan pelajaran yang ditetapkan. Guru mengejar masa yang tinggal untuk mengajar topik-topik yang





berbaki dalam masa yang cepat tanpa mengambil kisah tentang pemahaman pelajar. Seterusnya, pelajar pula tidak berupaya mengaplikasikan pengetahuan kerana pelajar diajar untuk peperiksaan.

Kajian Seman Salleh (2005) menyatakan fokus pengajaran kepada peperiksaan menyebabkan guru-guru terikat dengan langkah-langkah dan peruntukan masa yang terbatas sehingga guru-guru tidak mampu untuk berinteraksi dengan murid. Kaedah pengajaran yang berfokus kepada peperiksaan memberi implikasi kepada suasana pengajaran dan pembelajaran pada hari berkenaan. Tujuan utama guru pada masa kini adalah bagi memastikan pelajar fokus untuk topik yang ada dalam peperiksaan yang menyebabkan guru tidak membuat persediaan yang lengkap untuk suatu topik.

Persediaan yang lebih terancang terutama sebelum sesuatu pengajaran tidak dilaksanakan oleh guru (Seman Salleh, 2005).

Foster (1996) dan Gabbin (2002) berpendapat bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terlalu berpusatkan guru gagal dalam melatih pelajar kemahiran utama seperti kemahiran berfikir, menyelesaikan masalah dan kemahiran komunikasi. Kedua-dua pengkaji ini juga bersepakat bahawa amalan pembelajaran yang berpusatkan guru tidak melahirkan pelajar yang mempunyai pelbagai kemahiran. Pada era ini, bukan hanya memandang kepada kecemerlangan dalam bidang akademik semata-mata malah turut dinilai dari segi kemahiran yang dimiliki. Lantaran itu, kemahiran ini perlu digilap dari sekarang agar kemahiran ini makin berkembang mengikut perkembangan semasa. Oleh itu, pendidikan pada masa kini perlu mengurangkan semua praktis ini secara perlahan-lahan atau secara berperingkat supaya





amalan tradisional ini tidak lagi menjadi pilihan utama guru untuk mengajar di kelas dan pada masa yang sama guru turut berjinak-jinak mencuba kaedah yang lain dalam PdP.

Salah satu inovasi dalam pengajaran hari ini ialah pendekatan konstektual yang berasaskan pengetahuan sedia ada dan pengalaman sebenar dalam kehidupan seharian. Pengajaran menggunakan pendekatan ini mementingkan peranan guru dalam membuat hubungan bermakna bagi mengaitkan pengajaran dan pembelajaran dengan kehidupan seharian dan situasi sebenar, berpusatkan pelajar dan berpegang kepada fahaman yang menganggap pelajar sebagai pelajar yang aktif dan guru sebagai mentor atau fasilitator dalam proses pembelajaran (Dale Parnell, 2001; Johnson, 2002).



Penggunaan bahan bantu mengajar dapat membantu guru dalam aktiviti pengajaran manakala pelajar pula dalam aktiviti pembelajaran (Mok Soon Sang, 1995). Cara mengatasinya adalah dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang canggih, sebagai contoh walaupun menggunakan kaedah tradisional tetapi dengan menaik taraf kaedah ini dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang terkini, pasti memberi impak yang berlainan. Melalui kaedah seperti ini, guru dapat menarik perhatian pelajar untuk belajar.

Golongan pendidik merupakan individu yang berperanan penting menghasilkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti tinggi. Menurut Booth (1993); Goodwin dan Stevens (1993) pelajar yang berkualiti terhasil menerusi proses pengajaran dan





pembelajaran yang berkesan. Seseorang guru mestilah memiliki elemen kompetensi untuk menjadi guru yang baik seperti menguasai kandungan subjek yang diajar, berpengetahuan dalam pedagogi, berupaya memilih sumber pengajaran, mampu mempelbagaikan strategi pengajaran, memiliki kemahiran teknologi, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan pelajar serta mempunyai sikap dan personaliti yang positif seperti bermotivasi, humor dan berkeyakinan.

Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Seseorang guru perlu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran. Kemahiran mengajar atau teaching skills meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan berkesan iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan strategi dan kaedah mengajar yang sesuai dengan tahap kecerdasan dan pengetahuan pelajar merupakan ciri kompetensi kemahiran mengajar yang perlu ada pada seseorang guru. Malah keupayaan guru dalam mempraktikkan kaedah dan teknik pengajaran yang baik boleh menyumbang kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, Allen (1992). Kemahiran mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada tiga istilah penting iaitu pendekatan, kaedah dan teknik. Seseorang guru yang ingin menguasai kemahiran mengajar perlulah menguasai ketiga-tiga elemen tersebut untuk diaplikasikan dalam proses PdP di dalam





bilik darjah. Ahmad (1997) menjelaskan pemilihan sesuatu teknik mestilah berasaskan sesuatu kaedah yang berlandaskan sesuatu pendekatan. Menurutnya lagi keberkesanan sesuatu teknik yang digunakan bergantung kepada asas-asas pengkaedahan dan pendekatan yang kukuh, mantap dan boleh dipercayai.

Dalam kajian Mohd Hanafi Kamal (2001), menjelaskan tugas guru bukan sekadar membantu pelajar mengetahui objektif spesifik sesuatu unit matapelajaran. Mereka haruslah memahami proses pengajaran dan pembelajaran supaya mereka dapat menghubungkaitkan pembelajaran dengan kehidupan seharian pelajar. Dahulu peranan seorang guru hanyalah sebagai penyampai ilmu pengetahuan kepada pelajar melalui pengajarannya, tetapi kini peranan guru lebih kepada pemudah cara atau fasilitator dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah untuk membantu perkembangan potensi pelajar yang maksimum.



Dengan itu, kajian dilaksanakan oleh penyelidik bukan sahaja bertujuan untuk mendalami serta menyelidiki pengajaran guru matematik pada masa kini malah juga bagi mengenalpasti bagaimana guru melaksanakan pengajaran secara kontekstual sepanjang proses PdP di dalam bilik darjah. Adakah guru-guru yang terlibat mengaplikasikan sebarang teknik atau strategi pengajaran dengan menggunakan pendekatan kontekstual sebagai salah satu rancangan pengajaran dan pembelajaran harian mereka? Lapan komponen kontekstual berdasarkan teori Johnson (2002) yang memfokuskan pengajaran guru dalam bilik darjah digunakan sebagai sumber rujukan bagi menjalankan kajian ini. Hasil kajian penyelidikan yang dijalankan ini, memfokuskan tiga bahagian utama iaitu pemahaman, kemahiran dan halangan





berdasarkan pendekatan kontekstual yang berkaitan dengan pengajaran guru itu sebagai peserta kajian ini.

### 1.3 Penyataan Tujuan

Kajian ini dilakukan untuk mendalami serta meneroka pemahaman dan pelaksanaan pendekatan kontekstual berdasarkan pengetahuan dan persekitaran guru dalam proses pengajaran di dalam bilik darjah serta halangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha melaksanakan pendekatan kontekstual tersebut. Melalui kajian ini, penyelidik ingin memahami secara mendalam dan jelas melalui kaedah penelitian secara naturalistik tentang proses pengajaran guru dengan menggunakan pendekatan pengajaran kontekstual khususnya dalam subjek matematik sekolah rendah.



### 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian yang difokuskan dalam kajian ini dan ingin dikaji oleh penyelidik adalah seperti berikut :

- 1.4.1 Untuk mengkaji pemahaman guru matematik mengenai pendekatan kontekstual.

